

07 JUN 1999

Umno-Pecat

UMNO PECAT 73 ANGGOTANYA SERTAI PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Umno malam ini memecat 73 anggotanya kerana didapati menyertai dan memihak kepada parti lawan dalam pilihan raya negeri di Sabah Mac lepas dan yang terlibat dalam parti Keadilan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti, berkata daripada jumlah itu, 41 orang dipecat seumur hidup kerana menjadi calon parti lawan, penyokong calon dan juga terlibat dalam pilihan raya Sabah.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

Dr Mahathir ketika menjawab soalan selepas itu berkata kebanyakan mereka yang dipecat itu terlibat dalam pilihan raya di Sabah dan ada juga keluar dari parti untuk menyertai Keadilan tetapi bilangannya tidaklah besar.

Sebelum inipun Umno telah memecat beberapa orang anggotanya yang didapati terlibat dengan Keadilan.

Nama kesemua yang telah dipecat itu bagaimanapun tidak disebut.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata mesyuarat MT yang berlangsung lebih tiga jam itu menumpu kepada strategi Umno untuk menghadapi tindakan dan tohmahan parti-parti lawan dan persediaan mengadakan Perhimpunan Agung Umno.

Katanya, antara strategi Umno ialah dengan mengadakan penjelasan kepada penceramah Umno supaya mereka dapat memberi keterangan yang jelas kepada rakyat mengenai apa yang telah dilakukan oleh kerajaan.

"Umpamanya, berkenaan apa yang dikatakan 'mega project', (serta) kononnya Umno menolak agama Islam dan juga mengenai pendirian Umno terhadap hukum Hudud Pas...bukan hukum Hudud Islam tetapi hukum Hudud Pas..., yang kita ada pendirian tertentu, dan beberapa perkara lagi," katanya.

Beliau berkata MT juga membuat keputusan untuk meneruskan tindakan undang-undang seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Bertindak Undang-undang Umno yang dipengerusikan oleh Datuk Ibrahim Ali.

Dr Mahathir berkata satu perhimpunan khas akan diadakan pada malam berlangsungnya persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita (pada 17 Jun) yang akan mendengar beberapa ucapan penceramah daripada kalangan tokoh agama dalam Umno sendiri.

Beliau berkata Menteri Besar Pahang yang baru Datuk Adnan Yaakob, walaupun bukan anggota MT telah dijemput menghadiri mesyuarat MT malam ini dan juga akan berada di pentas bersama anggota MT pada perhimpunan agung kelak. Perhimpunan Agung Umno dijadualkan pada 18 hingga 20 Jun.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Naib Presiden Umno selaku pengerusi jawatankuasa usul untuk perhimpunan agung itu, berkata tiga usul akan dibincangkan iaitu usul ucapan terima kasih kepada presiden, usul agama dan usul ekonomi.

"Dalam usul agama boleh disentuh soal sosial dan juga tentang penyelewengan yang dibuat oleh parti lawan," katanya.

Mesyuarat MT malam ini juga meluluskan penubuhan 14 cawangan baru di Selangor, Kedah, Sabah dan Negeri Sembilan.

-- BERNAMA

MNY AFY MAI